



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 30 Mac 2023 (Khamis) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p><b>Empat Beradik Maut Dalam Kebakaran Rumah Di Muar</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar-413212?amp=1">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar-413212?amp=1</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/951089/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran">https://www.hmetro.com.my/utama/2023/03/951089/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1083580/4-beradik-maut-rumah-terbakar">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1083580/4-beradik-maut-rumah-terbakar</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/03/29/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar/">https://malaysiagazette.com/2023/03/29/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar/</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran/">https://www.utusan.com.my/berita/2023/03/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran/</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/30/4-beradik-maut-dalam-kebakaran-rumah/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/30/4-beradik-maut-dalam-kebakaran-rumah/</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/4-maut-dalam-kebakaran-rumah/">https://www.buletintv3.my/nasional/4-maut-dalam-kebakaran-rumah/</a></p> <p><a href="https://www.edisi9.com.my/2023/03/tragis-4-beradik-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar/">https://www.edisi9.com.my/2023/03/tragis-4-beradik-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2177435">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2177435</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/252056/berita/semasa/empat-kanak-kanak-maut-dalam-kebakaran">https://www.sinarharian.com.my/article/252056/berita/semasa/empat-kanak-kanak-maut-dalam-kebakaran</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/empat-kanak-kanak-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar-PJ10809776">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/empat-kanak-kanak-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar-PJ10809776</a></p> <p><a href="https://www.melakahariini.my/empat-kanak-kanak-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar/">https://www.melakahariini.my/empat-kanak-kanak-maut-dalam-kebakaran-rumah-di-muar/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1083596/4-beradik-terbakar-ibu-keluar-ke-kedai-bapa-kerja">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1083596/4-beradik-terbakar-ibu-keluar-ke-kedai-bapa-kerja</a></p> <p><a href="https://wartaoriental.com/2023/03/30/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran/">https://wartaoriental.com/2023/03/30/empat-beradik-maut-dalam-kebakaran/</a></p>	<p>FMT</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Edisi 9</p> <p>Bernamea</p> <p>Sinar Harian</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Berita Harian</p> <p>Warta Oriental</p>	
2	<p><b>Dewan Rakyat Lulus RUU Kesalahan Seksual Kanak-Kanak</b></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/29/dewan-rakyat-lulus-ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/29/dewan-rakyat-lulus-ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak/</a></p> <p><a href="https://www.malaysiakini.com/news/660465">https://www.malaysiakini.com/news/660465</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951044/ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dilulus-metroty">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/03/951044/ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dilulus-metroty</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/dewan-rakyat-lulus-ruu-akta-keterangan-saksi-kanak-kanak-pindaan-2023/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/dewan-rakyat-lulus-ruu-akta-keterangan-saksi-kanak-kanak-pindaan-2023/</a></p>	<p>FMT</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Harian Metro</p> <p>Utusan</p>	Neutral

	<a href="https://www.edisi9.com.my/2023/03/ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dilulus/">https://www.edisi9.com.my/2023/03/ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak-dilulus/</a>	Edisi 9	
3	<p>Wanita Malaysia Jana Lebih RM176 Juta Sebagai Hos – Airbnb</p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/251989/bisnes/wanita-malaysia-jana-lebih-rm176-juta-sebagai-hos---airbnb">https://www.sinarharian.com.my/article/251989/bisnes/wanita-malaysia-jana-lebih-rm176-juta-sebagai-hos---airbnb</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-malaysia-jana-lebih-rm176-juta-pada-2022-sebagai-hos-airbnb-413145">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-malaysia-jana-lebih-rm176-juta-pada-2022-sebagai-hos-airbnb-413145</a></p> <p><a href="https://www.thesundaily.my/cerita/berita/airbnb-wanita-malaysia-jana-lebih-rm176-juta-pada-2022-sebagai-hos-JJ10808023">https://www.thesundaily.my/cerita/berita/airbnb-wanita-malaysia-jana-lebih-rm176-juta-pada-2022-sebagai-hos-JJ10808023</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>The Sun Daily</p>	Neutral
4	<p>Wanita Banyak Peluang Ceburi Bidang Ekonomi Biru</p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/03/1083205/wanita-banyak-peluang-ceburi-bidang-ekonomi-biru">https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/03/1083205/wanita-banyak-peluang-ceburi-bidang-ekonomi-biru</a></p>	Berita Harian	Neutral
5	<p>OKU Tempa Nama Di Persada Antarabangsa</p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/951085/oku-tempa-nama-di-persada-antarabangsa">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/951085/oku-tempa-nama-di-persada-antarabangsa</a></p> <p><a href="https://my.lifeneagency.com/2023/03/29/pelajar-oku-kolej-komuniti-menempa-nama-di-pertandingan-antarabangsa/">https://my.lifeneagency.com/2023/03/29/pelajar-oku-kolej-komuniti-menempa-nama-di-pertandingan-antarabangsa/</a></p> <p><a href="https://www.malay.news/oku-tempa-nama-di-persada-antarabangsa/">https://www.malay.news/oku-tempa-nama-di-persada-antarabangsa/</a></p> <p><a href="https://headtopics.com/my/oku-tempa-nama-di-persada-antarabangsa-harian-metro-37307646">https://headtopics.com/my/oku-tempa-nama-di-persada-antarabangsa-harian-metro-37307646</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Life News Agency</p> <p>Malay News</p> <p>Head Topics</p>	Neutral
6	<p>Rakyat Sambut Baik Penguatkuasaan Akta Antigangguan Seksual 2022</p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/60467-rakyat-sambut-baik-penguatkuasaan-akta-antigangguan-seksual-2022">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/60467-rakyat-sambut-baik-penguatkuasaan-akta-antigangguan-seksual-2022</a></p>	Berita RTM	Neutral

	<a href="https://www.sinardaily.my/article/192859/malaysia/national/anti-sexual-harassment-act-enforced-in-phases-from-today">https://www.sinardaily.my/article/192859/malaysia/national/anti-sexual-harassment-act-enforced-in-phases-from-today</a>	Sinar Daily	
7	<b>Ribut: 117 Buah Rumah Terjejas</b>  <a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60469-ribut-117-buah-rumah-terjejas">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60469-ribut-117-buah-rumah-terjejas</a>	Berita RTM	Neutral

## EMPAT BERADIK MAUT DALAM KEBAKARAN RUMAH DI MUAR

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-beradik-maut-dalam-kebakaranrumah-di-muar-413212?amp=1>

Sumber : Astro Awani



**MUAR:** Empat kanak-kanak dipercayai adik beradik maut dalam kebakaran sebuah rumah di Jalan Ismail, Kampung Sabak Awor, di sini pada malam Rabu.

Dalam kejadian kira-kira pukul 7.45 malam itu, mangsa yang maut merupakan dua kanak-kanak lelaki berusia lapan dan tiga tahun selain dua kanak-kanak perempuan berusia enam dan empat tahun.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Muar, Timbalan Penguasa Bomba II Shahrizal Mokhtar berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian berkenaan pada jam 7.49 petang.

“Setibanya Pasukan Keluaran Operasi (PKO) di tempat kejadian, didapati berlaku kebakaran rumah jenis separuh kekal berkeluasan 50 kaki x 35 kaki yang telah memusnahkan 80 peratus daripada keseluruhan kediaman tersebut.

“PKO bertindak membuat pencarian mangsa dan kesemua mangsa dijumpai di dalam bilik air rumah tersebut dalam keadaan tidak sedarkan diri,” katanya ketika dihubungi pada Rabu.

Mengulas lanjut katanya, kesemua mangsa disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan yang berada di lokasi dan mangsa diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan selanjutnya.

“Seramai 20 anggota dari BBP Muar dan BBP Bukit Gambir dibantu dua jentera Fire Rescue Tender (FRT) serta satu Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) dikejarkan ke tempat kejadian.

“Buat masa ini, punca kebakaran dan anggaran kerugian masih dalam siasatan,” jelasnya.

## **DEWAN RAKYAT LULUS RUU KESALAHAN SEKSUAL KANAK-KANAK**

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/03/29/dewan-rakyat-lulus-ruu-kesalahan-seksual-kanak-kanak/>

**Sumber : Free Malaysia Today**



KUALA LUMPUR: Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak (Pindaan) 2023 bertujuan memberikan perlindungan lebih jitu kepada kanak-kanak, diluluskan di Dewan Rakyat.

Ia diluluskan dengan lebih suara bersetuju selepas dibentang untuk bacaan kali kedua oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi) Azalina Othman Said dan dibahaskan 10 Ahli Parlimen.

Menurut Azalina, RUU itu antara lain untuk menggantikan terminologi “pornografi kanak-kanak” kepada “bahan penganiayaan kanak-kanak” dalam Akta Kesalahan-kesalahan Seksual terhadap Kanak-kanak 2017 (Akta 792).

“Sungguhpun kelihatan seperti penggantian istilah sahaja, ia memberi kesan besar kepada perspektif dan gambaran tahap keseriusan serta perihal sebenar sifat jenayah eksploitasi dan penganiayaan seksual ke atas kanak-kanak,” katanya ketika menggulung perbahasan RUU itu.

Selain itu, Azalina berkata, perkataan pornografi lagi tidak hanya merujuk kepada seksual tetapi juga penggunaan perkataan yang wujud dalam teknologi.

“Sekarang perkataan ‘porn’ tu tidak semestinya perkataan yang kotor. Kalau kita kekalkan perkataan ‘pornografi’ itu, kadang-kadang orang boleh wujudkan sebagai contoh dalam pemikiran kanak-kanak ayat yang wujud dalam teknologi.

“Contohnya ‘food porn’ itu makanan ataupun ‘poverty porn’, jadi tak semestinya pornografi itu hanya kepada seksual. Bila berhadapan kanak-kanak, ketidakfahaman mereka itu yang menyebabkan kadang-kadang mereka boleh terkeliru untuk memahami bahawa perkara ini boleh dilakukan,” katanya.

Terdahulu, ketika membentangkan RUU itu Azalina berkata, seksyen baharu 15A yang memperuntukan kesalahan mengenai persembahan seks, bertujuan untuk menangani isu seks penstriman langsung semakin berleluasa.

Melalui penggubalan Seksyen 15A yang baharu, beliau berkata, bukan sahaja orang menonton dan mengambil bahagian dalam persembahan seksual kanak-kanak boleh didakwa, bahkan semua pihak seperti penganjur, orang tengah, atau mana-mana sindiket terlibat dalam melakukan kesalahan persembahan seksual kanak-kanak.

Beliau berkata, hukuman dicadangkan adalah pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 20 tahun dan boleh juga didenda tidak melebihi RM50,000.

## WANITA MALAYSIA JANA LEBIH RM176 JUTA SEBAGAI HOS – AIRBNB

<https://www.sinarharian.com.my/article/251989/bisnes/wanita-malaysia-jana-lebih-rm176-juta-sebagai-hos---airbnb>

Sumber : Sinar Harian



**AIRBNB** berkata wanita Malaysia secara kolektif memperoleh lebih RM176 juta pada 2022 dengan membenarkan hartanah mereka dibuka kepada tetamu sebagai rumah inap dan merasai pengalaman jangka pendek.

Dalam satu kenyataan hari ini, Airbnb berkata, wanita adalah tulang belakang dalam komuniti hos Airbnb, dan mereka merangkumi 55 peratus daripada semua hos di seluruh dunia.

Mereka memperoleh lebih daripada AS\$16 bilion (AS\$1=RM4.41) pada platform itu pada tahun 2022 di seluruh dunia, hampir 10 peratus lebih tinggi berbanding hos lelaki.

Ketua dasar awamnya untuk Asia Tenggara, India, Hong Kong dan Taiwan Mich Goh berkata hos wanita memainkan peranan yang semakin penting dalam sektor pelancongan terutamanya di Malaysia. Menjadi hos kepada rumah inap telah memberikan wanita Malaysia peluang kewangan yang besar di tengah-tengah peningkatan kos sara hidup.

Memandangkan kos sara hidup terus meningkat, wanita beralih menjadi penyambut kedatangan pengembara ke rumah mereka bagi memperoleh pendapatan tambahan dan berkongsi layanan serta budaya mereka dengan orang lain.

"Pada Bulan Wanita Antarabangsa ini, kami meraikan wanita yang luar biasa ini di platform kami, dan semangat keusahawanan serta semangat sepanjang hayat mereka.

"Kami komited untuk memastikan setiap wanita diiktiraf, dan menyediakan peluang kepada lebih ramai lagi untuk berkongsi manfaat pelancongan," katanya dalam satu kenyataan. – Bernama

## WANITA BANYAK PELUANG CEBURI BIDANG EKONOMI BIRU

<https://www.bharian.com.my/wanita/lain-lain/2023/03/1083205/wanita-banyak-peluang-ceburi-bidang-ekonomi-biru>

Sumber : Berita Harian



KUALA LUMPUR: Pembabitan wanita dalam ekonomi biru atau perniagaan pesisir pantai yang lazimnya diceburi oleh golongan lelaki, perlu dipertingkatkan bagi merapatkan jurang gender dalam bidang berkenaan.

Hakikatnya banyak peluang dibuka untuk wanita bagi menceburi bidang perniagaan di dalam kategori ekonomi biru termasuk perikanan, akuakultur, pemprosesan dan perdagangan hasil laut, pengurusan sisa, pelancongan pantai, aktiviti pemuliharaan, pengurangan risiko bencana pantai serta minyak dan gas.

Namun, dengan persekitaran dan keselamatan maritim lebih terjamin, sudah pasti tiada masalah wanita menceburi bidang ini kerana ia memberi peluang lebih luas untuk diterokai.

Pensyarah Kanan Ekonomi Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM), Dr Nur Surayya Mohd Saudi, berkata negara boleh terus memberikan peluang yang lebih banyak kepada golongan wanita untuk menceburi bidang ekonomi biru.

Katanya, ini kerana terdapat pertambahan bilangan golongan itu dalam bidang perniagaan ekonomi biru, sekali gus mampu mengangkat wanita ke tahap yang lebih baik.

"Saya yakin wanita mampu memainkan peranan penting dalam sektor ekonomi biru atau perniagaan pesisiran pantai.

"Namun, jika tahap keselamatan tidak terjamin, sebahagian besar aktiviti ekonomi yang berkaitan dengan ekonomi biru tidak dapat dijalankan dengan berkesan dan kurang menarik minat golongan itu.

"Tanpa tahap keselamatan yang baik, sudah pasti industri di lautan sukar untuk dibangunkan," katanya yang ditemui pada ceramah Hari Wanita Antarabangsa (IWD) 2023 di KL City Art Gallery di sini, baru-baru ini.

Ia disempurnakan oleh Pengerusi Duopharma Biotech Bhd, Tan Sri Siti Sa'diah Sheikh Bakir.

Ceramah anjuran KL City Art Gallery dan SusNet itu bertujuan memberikan perkongsian oleh beberapa panel berpengalaman dalam isu ekonomi, perniagaan, kesihatan, sosial dan pelancongan.

Bagaimanapun, persekitaran dan keselamatan maritim yang mampan antara faktor perlu juga diberi perhatian penting bagi menarik lebih ramai pelabur asing melabur di negara ini.

Mengulas lanjut, Nur Surayya berkata, keselamatan maritim penting untuk menyokong Ekonomi Biru terutama aspek perlindungan daripada ancaman seperti keganasan, pemerdagangan narkotik.



Nur Surayya Mohd Saudi.

Penangkapan ikan secara haram, penyeludupan senjata serta pelbagai jenayah berkaitan persekitaran marin yang menjadi salah satu ancaman paling ketara kepada pertumbuhan ekonomi berasaskan lautan ini.

Oleh itu, katanya semua pihak terutama pertahanan negara perlu memastikan persisiran pantai dan laut sentiasa selamat dan berdaya tahan serta dalam keadaan bersiap sedia terhadap sebarang ancaman selain penguatkuasaan undang-undang.

### **Tarik wanita ceburi ekonomi biru**

Namun katanya, untuk memastikan wanita bersedia menyertai ekonomi biru, bantuan dana serta penyediaan latihan khusus juga perlu diperluaskan bagi menarik lebih ramai golongan itu berikutan bidang ini berpotensi menyumbang kepada pendapatan tinggi negara.

Sebagai contoh di Selangor, pendapatan utamanya disumbang daripada aktiviti di Pelabuhan Klang yang memberikan peluang pekerjaan kepada masyarakat terutama penduduk berhampiran.

"Justeru, kita perlu menggalakkan wanita menceburi ekonomi biru ini, namun cabarannya adalah mereka perlu dibantu dari segi kewangan untuk memulakan perniagaan seperti perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

"Selain itu, wanita juga memerlukan latihan yang dapat memberi nilai tambah kepada mereka contohnya cara bercakap, penampilan, menggunakan teknologi terkini dan media sosial," katanya.

## **OKU TEMPA NAMA DI PERSADA ANTARABANGSA**

<https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/951085/oku-tempa-nama-di-persada-antarabangsa>

**Sumber : Harian Metro**



Kuala Lumpur: Penuntut orang kurang upaya (OKU) yang juga alumni Kolej Komuniti Selayang (KKSJ) menempa nama di persada antarabangsa apabila berjaya membawa pulang pingat gangsa dalam pertandingan Abilimpik Peringkat Antarabangsa ke-10, pada 23 hingga 26 Mac lalu.

Pingat itu diperolehi bagi kategori 'Restaurant Services' dan dianugerahkan 'Medallion of Excellence for Malaysia Team'.

Muhammad Hanif Naufal Mohd Mazni yang lebih mesra dipanggil Naufal, 23, berkata, dia menjalani latihan intensif dari 2019 bagi memastikannya bersedia dalam pertandingan berprestij itu.

"Kejayaan saya ini adalah hasil sokongan dan komitmen tinggi daripada keluarga, pensyarah, Fazlilawati Mohd Fadzil dan rakan-rakan.

"Tanpa dorongan mereka, tidak mungkin saya akan berada di sini mencapai kejayaan dan menempa nama di persada antarabangsa," katanya yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), malam ini.

Naufal adalah alumni Sijil Asas Kulineri KKSJ kategori golongan orang kurang upaya (OKU) Pembelajaran.

Kejayaan Naufal bermula pada 2018 apabila menyertai Pertandingan Abilimpik Peringkat Kebangsaan dan berjaya mendapat tempat pertama dalam pertandingan itu bagi bidang sama.

Kejayaan itu memberi peluang kepada Naufal untuk menyertai pertandingan peringkat antarabangsa kali ini.

Menurutnya, Kolej Komuniti Selayang banyak membantunya meningkatkan kemahiran dalam bidang kulineri terutama perkhidmatan restoran.

"Walaupun saya mengambil Sijil Asas Kulineri tetapi itu tidak menghalang saya untuk mempelajari selok belok industri hospitaliti lain.

"Komitmen tinggi daripada Puan Fazlilawati dalam memberikan peluang latihan intensif dengan pakar negara industri perkhidmatan, restoran Mod Jeffri adalah batu loncatan bagi saya dalam pertandingan ini.

"Saya nekad untuk menang meskipun gentar untuk bertanding dengan peserta dari pelbagai negara," katanya.

Katanya, OKU bukan penghalang untuk mengejar impian dan setiap individu perlu sentiasa memberikan yang terbaik dalam setiap peluang mendatang.

"Kita perlu kejar mengejar impian untuk meningkatkan peluang golongan OKU dalam menambah baik kehidupan pada masa hadapan," katanya.

Selain Naufal, dua lagi individu turut meraih kemenangan dengan pingat perak bagi kategori 'Painting and Waste Art' iaitu alumni Politeknik Ibrahim Sultan (PIS) Nur Amiratul Farahin Ab Rahman, 23, dan alumni Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) Wan Muhammad Hafizunif Wan, 27, yang meraih pingat gangsa kategori 'Cake Decoration'.

Penyertaan dalam pertandingan kemahiran itu memberi impak dan manfaat kepada penuntut dan politeknik serta Kolej Komuniti (PolyCC).

Ia dapat mengiktiraf tahap kemahiran pelajar serta menanda aras tahap kemahiran pelajar PolyCC.

Pertandingan itu membabitkan 410 peserta dari 22 negara dan 45 kategori dipertandingkan dan seramai 16 peserta OKU termasuk enam dari politeknik dan Kolej Komuniti dari pelbagai bidang kemahiran mewakili negara.

## **RAKYAT SAMBUT BAIK PENGUATKUASAAN AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL 2022**

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/nasional/60467-rakyat-sambut-baik-penguatkuasaan-akta-antigangguan-seksual-2022>

**Sumber : Berita RTM**



**KUALA LUMPUR, 29 Mac-** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) akan menguatkuasakan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] secara berperingkat.

KPWKM memaklumkan penguatkuasaan Akta 840 itu membabitkan takrifan gangguan seksual, elemen kesedaran dan pencegahan mengenai gangguan seksual kepada masyarakat.

Pelbagai reaksi positif masyarakat mengenai penguatkuasaan Akta 840.

"Saya seorang wanita dan juga seorang ibu. Dengan adanya akta ini akan dapat mempertingkatkan tentang kedudukan undang-undang di negara kita, dapat meningkatkan kesedaran dan juga intervensi mengenai hak-hak wanita dan juga kanak-kanak, nasib wanita dan kanak-kanak akan terbela", kata pengarah sebuah syarikat swasta, juga merupakan seorang ibu, Aznita Ab Ghani.

"Saya rasa bagus di luluskan. Tambahan lagi, wanita akan cepat melaporkan, jadi mereka akan rasa selamat dan rasa apa-apa laporan mereka buat itu akan di ambil tindakan dengan segera", kata pekerja swasta, Pawaimalan.



(Foto hiasan)

"Bagi saya akta ini diluluskan sangat bagus, bagi kesedaran kepada masyarakat sejagat umum di luar sana bagi kesedaran. Tambahan pula kanak-kanak di bawah umur mereka tiada tempat untuk mengadu, jadinya dari segi konteks keluarga memang bagus juga untuk mereka dapat punya hak masing-masing, anak-anak sendirilah, kata Muhamad Syafiq Ikmal.

Manakala Perunding Motivasi, Eliza Fiza Zulkifle, berkata akta ini memupuk kesedaran kepada masyarakat dan ianya perlu di pupuk sejak di alam persekolahan.

"Pendidikan seksual sebenarnya harus di beritahu di sekolah supaya anak-anak tahu contoh hubungan batasan hubungan anak ayah anak abang anak perempuan dengan bapa saudara sebab kita lihat kes di Malaysia ini banyak perkara-perkara seperti itu yang berlaku.

"Jadi bagi saya kefahaman dengan mengambil kira gangguan seksual, kita perlu tahu, wanita perlu didik, hak anak-anak tentang gangguan seksual", katanya selepas menjadi tetamu dalam rancangan Selamat Pagi Malaysia di Angkasapuri.

## **RIBUT: 117 BUAH RUMAH TERJEJAS**

<https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/60469-ribut-117-buah-rumah-terjejas>

**Sumber : Berita RTM**



**KANGAR, 29 Mac**-Angin kencang dan hujan lebat yang melanda Perlis kira-kira pukul 4.30 petang sehingga 10.50 malam tadi menyebabkan 117 buah rumah rosak apabila bumbung diterbangkan angin, struktur runtuh serta dihempap pokok yang tumbang.

Kangar dan Arau terjejas teruk melibatkan 18 kawasan antaranya Kampung Baru, Taman Intan, Taman Datuk Setia, Repoh, dan Tok Kuning.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs), Mohd Nazim Mohd Noor, pihaknya telah turun ke lokasi bagi mendapatkan anggaran sebenar kerosakan dan jumlah rumah terlibat.

Bantuan membaiki kediaman dan keperluan berkaitan akan disalurkan segera pihak MAIPs, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pengurusan Masjid mengikut kariah mangsa terlibat selepas laporan polis dibuat.

Pihak MAIPs menyeru mereka yang terjejas untuk segera membuat laporan polis serta memaklumkan kepada wakil MAIPs di Kariah bagi tindakan segera.



(117 buah rumah rosak akibat ribut di Perlis/FOTO RTM)